

B660

MAHATHIR 卐'卐'卐'

1982

KUALA LUMPUR, 10 MAC (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN TEGAS MALAM INI BAHAWA KERAJAAN DI BAWAH PIMPINAN-NYA AKAN SENTIASA MEMATUHI DAN MENGHORMATI SEGALA SESUATU YANG DI-JAMIN DALAM PERLEMBAGAAN NEGARA.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN KERAJAANNYA AKAN TERUS MENGHUR-MATI PERJANJIAN +GENTLEMAN+ YANG DICAPAI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN BERBAGAI KAUM YANG MENJADI PENGASAS NEGARA INI.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM ULANGTAHUN KE 44 KELAB KESIHATAN KEBUDAYAAN FEI SAN MALAYSIA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BER-KATA, HANYA PERLEMBAGAAN DAN PERSEFAHAMAN ASAL DI KALANGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BERBAGAI KAUM SAHAJA YANG AKAN MENJAMIN KESTABILAN DAN KEHARMONIAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT TENTANG DETIK-DETIK YANG TERPAKSA MEREKA LALUI SEBELUM MENCAPAI KEMERDEKAAN DAN PADA TAHUN-TAHUN NEGARA BARU MENCAPAI KEMERDEKAAN.

+PADA MASA ITU KITA PERLUKAN PERJUANGAN DAN KEGIGIHAN UNTUK MELETAKKAN NEGARA INI DI ATAS SATU ASAS YANG KUKUH UNTUK MENEN-TUKAN MASA DEPAN YANG TERJAMIN UNTUK KITA SEMUA,+ JELASNYA.

—BERSAMBUNG 2240/HM

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR 卐'卐'卐'

+PADA MASA ITU KITA BERSETUJU MENGENAI BEBERAPA PRINSIP TER-TENTU SEBAGAI ASAS MEMBINA DAN MEMBANGUNKAN NEGARA DAN BANGSA KITA,+ TAMBAH BELIAU.

SAMBIL MENYEBUT BAHASA KEBANGSAAN DAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN YANG TELAH DIPERSETUJUI SEBAGAI ALAT UNTUK MEMUPUK PERPADUAN, PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK ADA NEGARA LAIN YANG BERBUAT DEMIKIAN TANPA MENJEJASKAN PENGARUH KEBUDAYAAN ASING DAN KAUM PENDATANG.

+KITA DI MALAYSIA AMAT BERNASIB BAIK KERANA RAKYAT KITA DIBERI JAMINAN KEBEBASAN UNTUK MEMPELAJARI DAN MENGAMALKAN KEPERCAYAAN DAN KEBUDAYAAN MEREKA MASING-MASING DI DALAM RANGKA DAN HAD-HAD YANG DITENTUKAN OLEH PERLEMBAGAAN DAN DASAR-DASAR NEGARA.+

+RAKYAT MALAYSIA YANG MENDAPAT PELUANG UNTUK MELAWAT KE LUAR NEGERI AKAN DAPAT MEMBANDING BETAPA BAIKNYA NASIB RAKYAT NEGARA INI,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU MENYATAKAN KEYAKINANNYA BAHAWA SETAKAT INI KERAJAAN TELAH PUN DAPAT MEMBAWA PEMBANGUNAN, KESATABILAN DAN KEMAKMURAN UNTUK FAEDAH RAKYAT KERANA IA SENTIASA MEMBERI NILAIAN YANG TINGGI TERHADAP +PERASAAN+ MASYARAKAT.

—BERSAMBUNG 2244/HM

B663

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR 卐'卐'卐'

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA SEBAGAI SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM, IA TIDAK DAPAT MENGELAKKAN DIRI DARIPADA BERHADAPAN DENGAN KERAGUAN SERTA PERASAAN TIDAK PUASHATI DARI KALANGAN TERTENTU DALAM MELAKSANAKAN DASAR-DASAR NEGARA.

+PADA HAKIKATNYA TIDAK ADA MANA-MANA NEGARA PUN YANG SEMUA RAKYAT-NYA PUASHATI DAN TIDAK ADA SEORANG PUN MERUNGUT,+ JELAS BELIAU.

APA YANG KURANG BELIAU SENANGI IALAH +KECENDERONGAN+ DI KALANGAN SETENGAH PIHAK YANG SUKA MEMUTARBELIT DAN MEMBESAR-BESARKAN SESUATU ISU DENGAN TUJUAN MENCETUSKAN APA YANG BELIAU SEBUT SEBAGAI +SAIKOLOGI RUSUHAN.+

MENURUTNYA, TUJUAN GOLONGAN INI IALAH UNTUK MENGERAKKAN RAKYAT ATAU SEBAHAGIAN MASYARAKAT SUPAYA MENENTANG KERAJAAN.

BELIAU LALU MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MEMBIARKAN DIRI MEREKA DIPERALATKAN OLEH GOLONGAN-GOLONGAN TERSEBUT YANG SENTIASA Mencari peluang untuk memusnahkan potensi masa depan negara.

-BERSAMBUNG 2322/HM

B664

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENYEBUT KEKECOHAN PELAKSANAAN 3-M BARU-BARU INI SEBAGAINSATU CONTOH YANG MENUNJUKKAN BAGAIMANA SESUATU ISU KECIL TELAH DIPUTARBELITKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH PIHAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR SEKALI LAGI MENGULANGI JAMINANNYA BAHAWA KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI APA-APA TUJUAN UNTUK MENUKARKAN CIRI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA ATAU INDIA DI NEGARA INI.

+PERBEKALAN-PERBEKALAN DALAM PERLEMBAGAAN YANG MENJAMIN KEBEBASAN PENGGUNAAN BAHASA IBUNDA SETIAP KAUM DI NEGARA INI AKAN SENTIASA DIHURMATI,+ TEGAS BELIAU.

MENGENAI BUKUNYA, +THE MALAY DILEMMA+ YANG TELAH DITARIK PENGHARAMANNYA DAN KEPUTUSAN BELIAU UNTUK MENTERJEMAHKAN BUKU TERSEBUT KE DALAM BAHASA-BAHASA MALAYSIA, CINA DAN TAMIL, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA TUJUANNYA IALAH UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MENGETAHUI KANDUNGAN BUKU ITU TANPA TERPAKSA MENDENGARNYA MELALUI ORANG LAIN YANG TUJUANNYA MUNGKIN TIDAK SIHAT.--BERSAMBUNG 2340/HM

B665

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI PENGANGKUTAN, DATUK LEE SAN CHOON KETIKA BERUCAP DI MAJLIS TERSEBUT MENINGATKAN RAKYAT TENTANG WUJUDNYA KESUKARAN DAN KESULITAN YANG TIMBUL DARI PROSES PERUBAHAN DALAM ETIKA PERKHIDMATAN.

BAGAIMANAPUN, PERUBAHAN YANG TERDAPAT ITU ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MEWUJUDKAN KEADAAN YANG LEBIH BAIK, TAMBAH BELIAU YANG JUGA PRESIDEN KEBANGSAAN MCA.

KATANYA, DENGAN ADANYA LANGKAH-LANGKAH DALAM MEWUJUDKAN KERAJAAN YANG CEKAP, BERSIH SERTA TANPA RASUAH, ADA YANG 'TERJATUH DI TEPI JALAN' DAN ADA YANG MERASA TERSINGGUNG DI DALAM PROSES TERSEBUT.

KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBIARKAN KEADAAN MEMBAZIR DAN KETIDAK-CEKAPAN BERTERUSAN DALAM USAHA MEWUJUDKAN KEADAAN YANG LEBIH BAIK, UJAR BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN LANGKAH-LANGKAH SEDANG DIAMBIL UNTUK MENGATASI KESULITAN-KESULITAN DI PERINGKAT AWAL PERLAKSANAAN PROSES PERUBAHAN ITU.

+SAYA BERHARAP KERAJAAN AKAN MELAKSANAKAN SEGALA LANGKAH YANG DIAMBIL UNTUK MEMBETULKAN MASALAH-MASALAH PERLAKSANAAN OLEH KERANA MASIH TERDAPAT TEMPAT-TEMPAT YANG MUNGKIN TERTAKLUK KEPADA SALAH PENGERTIAN,+ KATANYA.--BERNAMA 2355/HM-